

28/2/2012

25 'laluhan panas' penyeludupan

Oleh YATIMIN ABDULLAH

utusankelantan@utusan.com.my

TUMPAT 27 Feb. - Sebanyak 25 kawasan di negeri ini dikenal pasti sebagai 'laluhan panas' yang sering digunakan untuk penyeludupan dadah, senjata api dan barang kawalan termasuk minyak masak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop berkata, kawasan tersebut merangkumi jajahan Tumpat dan Pasir Mas yang terletak berhampiran sempadan Thailand.

Beliau berkata, anggota keselamatan termasuk Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) akan memperketatkan rondaan dan kawalan di kawasan berkenaan bagi membendung kegiatan penyeludupan.

"Kawalan akan dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi di kawasan panas itu. Barangan yang kerap diseludup adalah berjenama tiruan.

"Kawasan panas itu juga dikenal pasti sebagai tempat seludup minyak masak, petrol, diesel, dadah, senjata api dan pemerdagangan manusia," katanya ketika melakukan lawatan kerja ke UPP Pengkalan Kubor dan Markas Pasukan Gerakan Marin (PGM) Pengkalan Kubor di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah UPP, Datuk Ab. Rahim Ismail; Pegawai Pemerintah Pasukan PGM Pengkalan Kubor, Deputi Supritendan Tan Cheng San dan Ketua Polis Daerah Tumpat, Supritendan Khalid Munap.

Dalam lawatan itu, Abu Seman turut meninjau perairan sempadan Pengkalan Kubor-Sungai Golok, Bukit Lata-Pasir Mas dan pangkalan haram yang sering dijadikan laluan ke Mundok, Thailand.

Abu Seman berkata, usaha membanteras penyeludupan sekarang lebih memfokuskan kepada penyeludupan dadah dan pemerdagangan manusia kerana ia memberi kesan buruk kepada negara.

"Setakat ini tiada kes pemerdagangan manusia dikesan di negeri ini, hanya lima pendatang asing tanpa izin (PATI) ditangkap oleh UPP Kelantan pada Januari lepas.

"Apa yang dilihat, tangkapan oleh UPP di negeri ini ada peningkatan pada tahun lepas berbanding 2010. Pada 2011 nilai rampasan sebanyak RM2.9 juta berbanding 2010 hanya RM2.09 juta," katanya.

Menurutnya, penyeludupan barang kawalan seperti minyak masak, petrol dan diesel berlaku disebabkan harga barangan itu lebih mahal di Thailand dan keadaan itu merugikan negara sekiranya tidak dicegah.